

Jemaah Menteri perlu terbuka terima kritikan baiki kelompongan

Ahli Kabinet diingat terus berusaha angkat suara, penuhi kehendak rakyat

Kuala Lumpur: Jemaah Menteri mesti menerima kritikan dengan hati terbuka dan memperbaiki kelompongan yang ada dalam kerajaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim turut mengingatkan ahli Kabinet mengenai perlunya kesatuan dan kebersamaan, sekali gus berfungsi sebagai sebuah kerajaan MADANI yang benar-benar mengangkat suara dan kehendak rakyat.

“Saya tegaskan bahawa mar-

capada hari ini termasuk situasi geopolitik dan teknologi, menuntut mana-mana kerajaan untuk bergerak pantas dan berubah agar terus kekal relevan dan berfungsi dengan baik kepada seluruh lapisan masyarakat,” katanya menerusi kenyataan di laman Facebook, kelmarin.

Rangka strategi lebih baik

Amanat berkenaan disampaikan Anwar yang juga Menteri Kewangan sempena Permukiman Kerajaan MADANI 2025 selama dua hari di Bangi, Selangor, berakhir semalam.

Perdana Menteri berkata, permukiman berkenaan membuka ruang sinergi dalam kalangan Jemaah Menteri bagi bersama-sama menambah baik, mengutarakan idea lebih segar dan merangka prakarsa yang strategik khususnya kesejahteraan rakyat dan kemajuan ekonomi negara.

BERNAMA



Anwar bersama dua timbalannya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof pada sesi Permukiman Jemaah Menteri Kerajaan MADANI di Bangi, Selangor.

(Foto ihsan FB Anwar Ibrahim)